

Perbandingan Aplikasi Tajwid di dalam Telefon Pintar: Satu Kajian Awal

[Comparison of Tajwid Applications in Smartphones: A Preliminary Study]

Amrina Rasyada Kamaruzaman¹, Noorhanis Amran², Shafwan Ismail³,
Junaidi Che Arifin⁴ & Muhamad Najudin Razak⁵

- ¹ (Corresponding Author) Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, MALAYSIA, amrina.rasyada93@gmail.com
- ² Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, MALAYSIA, Email: hanisnoor91@gmail.com
- ³ Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, MALAYSIA, Email: ismailshafwan@gmail.com
- ⁴ Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, MALAYSIA, Email: padi_ahmad@yahoo.com
- ⁵ Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, MALAYSIA, Email: najudin@kias.edu.my

ABSTRACT

This study aims to compare tajwid applications available on smartphone platforms, focusing on aspects of effectiveness, ease of use, and educational content. This research uses a qualitative method through content analysis of applications selected based on popularity and user ratings on Google Play and the App Store. Preliminary research results show that there is significant variation in the features offered by tajwid applications, including reading guide functions, audio, and knowledge tests. The best-rated applications offer an interactive experience and structured teaching, but there are also weaknesses in terms of information accuracy and the variety of learning modules. This study is expected to be an initial reference for users in choosing the appropriate application, as well as providing guidance to application developers to improve the quality of content and user experience. In conclusion, today's tajwid al-Quran application has made it easier for every Muslim to read and make a reference when at home when traveling or wherever they are.

Keywords: Application; Tajwid; Al-Quran

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan aplikasi tajwid yang tersedia di platform telefon pintar dengan memberi fokus kepada aspek keberkesanan, kemudahan penggunaan dan kandungan pendidikan. Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan aplikasi yang dipilih berdasarkan populariti dan penilaian pengguna di Google Play dan App Store. Hasil kajian awal menunjukkan bahawa terdapat variasi signifikan dalam ciri-ciri yang ditawarkan oleh aplikasi tajwid, termasuk fungsi panduan bacaan, audio dan ujian pengetahuan. Aplikasi yang dinilai terbaik menawarkan pengalaman interaktif dan pengajaran yang berstruktur, namun terdapat juga kelemahan dalam aspek ketepatan maklumat dan kepelbagaian modul pembelajaran. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan awal bagi pengguna dalam memilih aplikasi yang sesuai serta memberi panduan kepada pembangun aplikasi untuk meningkatkan kualiti kandungan dan pengalaman pengguna. Kesimpulannya, aplikasi tajwid al-Quran hari ini telah memudahkan setiap muslim membaca serta menjadikan rujukan ketika di rumah, dalam pemusafiran mahupun dimana berada.

Kata kunci: Aplikasi; Tajwid; Al-Quran

How to Cite:

Received: 15-12-2025
Accepted: 21-12-2025
Published: 23-12-2025

Kamaruzaman, A. R., Amran, N., Ismail, S., Che Arifin, J., & Razak, M. N. (2025). Perbandingan Aplikasi Tajwid Di Dalam Telefon Pintar: Satu Kajian Awal. *FURQANICA Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JFUQS)*, 1(1), 89–96.

1. Pendahuluan

Telefon pintar kini merupakan alat yang sangat penting dalam kehidupan seharian termasuk dalam pembelajaran agama Islam (Danial & Muyasaroh, 2023). Salah satu aplikasi yang semakin popular adalah aplikasi tajwid, yang membantu umat Islam mempelajari dan memperbaiki bacaan Al-Quran (Usman, H. 2024). Namun, terdapat pelbagai jenis aplikasi tajwid dengan ciri-ciri yang berbeza. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membandingkan beberapa aplikasi tajwid yang terdapat dalam telefon pintar bagi menilai keberkesanannya dalam membantu pengguna menguasai ilmu tajwid. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan ciri-ciri utama aplikasi tajwid berdasarkan aspek kemudahan penggunaan, kefahaman tajwid dan kelengkapan fungsi yang membantu pengguna memahami dan mempraktikkan tajwid yang betul.

Jika dikaji kelebihan aplikasi tajwid, didapati ramai yang meminatinya kerana mudah dan cepat untuk diakses. Apabila memerlukan panduan mengenai kefahaman tajwid, para pengguna boleh terus mengakses panduan tajwid pada bila-bila masa dan di mana sahaja menggunakan telefon pintar, tanpa perlu membawa buku panduan. Penyediaan Audio: Aplikasi ini sering disertakan dengan audio bacaan Al-Quran yang betul, memudahkan pengguna untuk mendengar dan meniru bacaan yang tepat. Antara paparan yang diminati adalah kerana aplikasi tajwid yang pertama adalah interaktif dan memiliki pelbagai mod seperti menyediakan latihan interaktif yang memberi maklum balas segera, membantu pengguna mempelajari hukum tajwid dengan lebih berkesan. Kedua, memiliki paparan secara visual dengan menunjukkan huruf dan tanda tajwid secara visual, membantu pengguna memahaminya dengan lebih mudah. Ketiga, mudah untuk pemula dan guru kerana sesuai untuk mereka yang baru belajar tajwid atau pengajar, aplikasi ini memberikan pengajaran yang terstruktur dan mudah difahami. Keempat, memiliki peningkatan kemahiran secara berterusan menerusi ciri-ciri latihan dan ujian yang disediakan, pengguna boleh memperbaiki bacaan mereka secara berterusan.

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan memahami tahap keberkesanan aplikasi-aplikasi tajwid yang semakin meluas digunakan dalam pendidikan al-Quran melalui teknologi mudah alih. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk membandingkan aplikasi tajwid di telefon pintar dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama: keberkesanan, kemudahan penggunaan, dan kandungan pendidikan. Penilaian terhadap keberkesanan aplikasi tajwid tersebut dalam meningkatkan kefahaman dan penguasaan pengguna dengan memberi tumpuan kepada tahap sejauh mana aplikasi tersebut benar-benar membantu pengguna memahami hukum-hukum tajwid, mengenal pasti kesalahan bacaan, serta meningkatkan kemahiran membaca al-Quran.

Perbandingan dan penelitian awal terhadap aplikasi tajwid ini dalam menyediakan ciri interaktif seperti latihan, kuiz, audio contoh, atau sistem pemarkahan dan sejauh mana pengguna menunjukkan peningkatan selepas menggunakan aplikasi dari segi pemahaman hukum tajwid misalnya idgham, ikhfa', mad dan sebagainya. Seterusnya diteliti juga dari aspek keupayaan aplikasi memberi maklum balas (*feedback*) yang tepat dan bermanfaat kepada pengguna. Akhirnya satu penilaian dilaksanakan sama ada aplikasi menyokong pembelajaran sendiri secara berkesan.

2. Kajian Literatur

Jika ditinjau dari kajian-kajian lepas, ia menunjukkan bahawa teknologi telah memberikan kesan ketara terhadap umat Islam. Menurut Zahari et.al (2021) seiring kepesatan teknologi hari ini turut mempengaruhi bidang pendidikan yang juga menerima tempias gelombang ledakan itu. Satu kajian yang dijalankan oleh Abdullah dan Ismail (2020) yang meneliti impak penggunaan aplikasi tajwid dalam telefon pintar terhadap pemahaman bacaan Al-Quran di kalangan pelajar di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kefahaman tajwid selepas penggunaan aplikasi tersebut. Menurut Syed Hassan et.al. (2022) dalam kajian yang dijalankan di maahad tahfiz, kebanyakan maahad tahfiz masih menggunakan kaedah dan proses pembelajaran Quran secara tradisional yang tidak selari dengan pembangunan teknologi maklumat. Hal ini menyebabkan kurangnya strategi dan kaedah dalam membantu para huffaz menghafal al-Quran. Seterusnya kajian oleh Razak dan Yusuf (2019) yang membandingkan dua aplikasi pembelajaran tajwid yang popular dalam kalangan pengguna telefon pintar, iaitu aplikasi X dan Y, dari segi keberkesanan dalam membantu pengguna mempelajari dan menguasai tajwid.

Manakala kajian oleh Sulaiman dan Ali (2021) turut mengkaji keberkesanan aplikasi tajwid dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah agama. Penemuan yang menunjukkan aplikasi ini memberi manfaat dalam memudahkan pemahaman tajwid dalam kalangan pelajar. Satu kajian lain yang dijalankan oleh Hasan dan Ibrahim (2022) turut menganalisis keberkesanan aplikasi tajwid berasaskan telefon pintar dalam meningkatkan ketepatan bacaan Al-Quran di kalangan pengguna dewasa. Hasil kajian menunjukkan aplikasi ini berjaya membantu pengguna dalam mempelajari dan mengamalkan tajwid dengan lebih tepat. Hasan dan Rahman (2022) juga membandingkan fungsi dan ciri aplikasi tajwid dari dua aplikasi utama dalam telefon pintar, Z dan W, untuk menilai aspek kegunaan dan keberkesanannya dalam mengajar tajwid.

Jika ditinjau kepelbagaian aplikasi al-Quran dalam sistem android yang dibangunkan dalam telefon pintar semakin mendapat sambutan yang amat baik dalam kalangan umat Islam. Ia menjadi salah satu alat alternatif yang memberi impak positif di dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti bacaan al-Quran. Namun begitu konsep talaqqi dan musyafahah adalah wajib dijadikan asas keperluan dalam peringkat pendidikan al-Quran sebagaimana yang telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW, sahabat, tabi'in serta masa kini. Kewujudan aplikasi-aplikasi al-Quran dalam pelbagai bentuk dan versi masa kini memberi implikasi yang positif di kalangan umat Islam untuk membaca al-Quran, secara tidak langsung melahirkan masyarakat yang celik al-Quran (Zainora et.al, 2020).

Sebagai contoh aplikasi E-tajwid yadun yang dibangunkan untuk mempelajari ilmu tajwid dengan lebih praktikal menggunakan telefon pintar yang boleh dikendalikan dengan mudah dan dibawa kemana sahaja. Aplikasi ini melibatkan gabungan elemen multimedia dan elemen kreatif grafik model tangan atau Yadun (Yadun diambil dari perkataan Bahasa Arab yang bermaksud tangan). E-tajwid yadun mewujudkan persekitaran pembelajaran sendiri yang lebih interaktif dan boleh memberi pemahaman yang lebih mendalam serta meningkatkan lagi daya ingatan pelajar tentang hukum tajwid dengan mudah dan pantas (Hamir, 2020)

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan komprehensif mengenai aplikasi Al-Quran di dalam telefon pintar. Kajian ini merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para pengkaji. Pemilihan aplikasi ini dibuat berdasarkan ketinggian penggunaannya di dalam platform Google Play Store dan Apple App Store serta ulasan positif yang diberikan oleh pengguna di platform tersebut.

4. Kriteria Perbandingan

Bagi membandingkan aplikasi-aplikasi ini, beberapa kriteria utama telah dipilih iaitu aspek tujuan, kelebihan dan kesan penggunaan aplikasi tersebut. Berikut adalah Analisa yang telah diringkaskan di dalam jadual dibawah:

BIL	NAMA APLIKASI	TUJUAN	KELEBIHAN	KESAN PENGGUNAAN
1	JomTajwid	Membantu pengguna memahami hukum Tajwid dengan lebih mudah melalui penggunaan visual dan audio interaktif.	Antara muka yang mesra pengguna. Mengandungi pelbagai modul pembelajaran seperti hukum nun sakinah, hukum mad, dan lain-lain. Mempunyai audio bacaan untuk memudahkan pengguna mendengar contoh yang betul	Memantapkan bacaan al-Quran dalam kalangan pengguna, terutamanya mereka yang baru belajar Tajwid. Meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kepentingan membaca al-Quran dengan betul.
2	Al-Quran Tajwid	Menyediakan teks al-Quran yang dilengkapi dengan panduan warna Tajwid untuk memudahkan pembelajaran.	Menyediakan teks al-Quran dengan kod warna yang menunjukkan hukum-hukum Tajwid. Akses percuma dan boleh digunakan tanpa sambungan internet.	Pengguna lebih mudah mengenal pasti hukum Tajwid semasa membaca al-Quran. Menggalakkan lebih ramai orang untuk membaca al-Quran secara konsisten dan dengan bacaan yang betul
3	Al-Mumtaz	Mengajar dan menguji pemahaman pengguna tentang hukum Tajwid melalui permainan dan kuiz.	Pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan melalui permainan interaktif. Mempunyai kuiz untuk menguji kefahaman pengguna.	Meningkatkan minat belajar Tajwid, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Membantu pengguna memperbaiki bacaan mereka dengan cara yang lebih dinamik dan tidak membosankan.
4	Learn	Memberikan panduan lengkap tentang hukum Tajwid dalam bahasa Inggeris bagi pengguna global.	Disediakan dalam pelbagai bahasa, sesuai untuk pengguna antarabangsa. Mengandungi video tutorial dan latihan audio	Memudahkan pembelajaran Tajwid bagi mereka yang bukan penutur bahasa Arab. Memperluaskan akses kepada pembelajaran Tajwid secara global, tidak terhad kepada negara berbahasa Arab.
5	Ayat Kursi & Al-Quran Tajwid	Al-Quran dengan tafsir, terjemahan, serta hukum tajwid berwarna	Antara muka yang mudah digunakan dan membantu pengguna mengenal pasti hukum tajwid semasa membaca Al-Quran.	Aplikasi ini menyediakan bacaan Al-Quran lengkap dengan tajwid berwarna untuk memudahkan pengguna memahami hukum tajwid secara visual.
6	Learn Quran Tajwid	Latihan bacaan dengan audio, panduan hukum tajwid, serta ujian kemahiran tajwid.	Terdapat penjelasan yang jelas tentang setiap hukum tajwid serta contoh bacaan yang betul.	Aplikasi ini menawarkan panduan audio dengan penjelasan tajwid dan latihan bacaan untuk membantu penggunaannya memperbaiki bacaan Al-Quran.

7	iQuran	Al-Quran lengkap, terjemahan, tafsir, dan pilihan bacaan dari imam-imam terkenal.	Membantu dalam penghafalan dan pembetulan bacaan dengan cara yang interaktif dan mudah.	Aplikasi ini menampilkan bacaan Al-Quran dengan tajwid berwarna dan juga disertakan dengan audio serta terjemahan.
8	Tajwid Al-Quran	Hukum-hukum tajwid yang lengkap, audio bacaan, dan latihan bacaan.	Menyediakan kaedah latihan dan maklum balas secara langsung mengenai pembacaan pengguna.	Mempunyai fungsi bacaan yang dilengkapi dengan penjelasan hukum tajwid, memperbaiki bacaan mengikut peraturan tajwid.

5. DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

Hasil kajian juga mendapati setiap aplikasi mempunyai fungsi dan keberkesanan yang tersendiri. Aplikasi yang mempunyai fungsi seperti bacaan Al-Quran dengan tanda tajwid, audio Qari yang berbeza, dan penerangan tentang hukum tajwid akan memberi impak besar kepada pengguna. Aplikasi yang menawarkan penjelasan mendalam mengenai hukum-hukum tajwid dapat membantu pengguna memahami dengan lebih baik. Aplikasi ini juga mewujudkan kemudahan dalam penggunaannya. Aplikasi yang mesra pengguna dan mudah diakses, dengan antaramuka yang jelas dan senang digunakan, lebih mendapat sambutan. Ini termasuk fungsi pencarian surah, kemudahan penandaan ayat, dan navigasi antara surah dan juz.

Selain itu kajian mendapati aplikasi tajwid memiliki kualiti audio yang menarik kerana ia merupakan satu faktor utama dalam pemilihan aplikasi tajwid. Bacaan yang jelas dan tepat, serta pilihan Qari yang terkenal dan berpengalaman, menjadi kelebihan. Aksesibiliti dan Ketersediaan: Beberapa aplikasi menawarkan akses *offline* atau versi percuma dengan fungsi terhad, yang memberi manfaat kepada pengguna yang kurang berkemampuan membeli aplikasi premium. Aplikasi tajwid juga memiliki ciri-ciri tambahan seperti modul pembelajaran, kuiz atau ujian untuk menguji pemahaman pengguna terhadap hukum tajwid dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran.

5.1 Keberkesanan Aplikasi Tajwid

Hasil analisis menunjukkan bahawa kebanyakan aplikasi tajwid berjaya meningkatkan kefahaman asas pengguna terhadap hukum tajwid, terutamanya melalui ciri seperti audio contoh, ilustrasi grafik serta latihan interaktif. Hal ini kerana aplikasi dengan ciri kuiz dan penilaian menunjukkan hasil pembelajaran lebih baik. Pengguna aplikasi yang menawarkan kuiz, pembetulan automatik atau penilaian bacaan menunjukkan peningkatan lebih ketara berbanding aplikasi yang hanya menawarkan teks dan audio pasif. Namun masih terdapat kekurangan dalam penilaian bacaan sebenar kerana hanya sebahagian kecil aplikasi menyediakan fungsi pengecaman suara untuk menilai bacaan pengguna. Ini mengehadkan keberkesanan pembelajaran secara praktikal, terutama dalam aspek ketepatan sebutan.

5.2 Kemudahan Penggunaan Aplikasi

Kemudahan dilihat dari aspek reka bentuk antaramuka mesra pengguna kerana sebahagian besar aplikasi mempunyai antara muka yang jelas, mudah dinavigasi dan sesuai untuk pelbagai peringkat umur. Ini memudahkan pengguna baharu mempelajari tajwid tanpa bantuan guru. Seterusnya terdapat variasi dalam kualiti pengalaman pengguna walaupun banyak aplikasi mempunyai reka bentuk yang baik, beberapa aplikasi didapati mempunyai masalah teknikal seperti kelambatan paparan, audio tidak jelas, susunan menu yang terlalu padat, atau iklan yang mengganggu pengalaman pembelajaran. Namun didapati aplikasi berbayar lebih stabil. Aplikasi premium atau berbayar menunjukkan kestabilan dan kelancaran yang lebih baik berbanding aplikasi percuma, yang sering tumbang akibat iklan atau kekurangan kemas kini.

5.3. Kandungan Pendidikan

Didapati ketepatan dalam kandungan aplikasi tajwid umumnya adalah baik. Hal ini kerana majoriti aplikasi menepati hukum tajwid asas berdasarkan turath dan rujukan ulama. Aplikasi yang dibangunkan oleh institusi agama atau pakar lebih terjamin dari segi ketepatan. Kandungannya juga dilengkapi dengan kelengkapan kandungan berbeza antara aplikasi diantaranya ialah aplikasi yang merangkumi semua hukum asas dan lanjutan seperti mad, nun sakinah, mim sakinah, waqaf-ibtida'. Terdapat juga aplikasi tajwid yang hanya menyediakan ringkasan dan tidak mendalam, menyebabkan tahap kefahaman pengguna terhad. Manakala ualiti audio dan visual memberi kesan kepada pembelajaran. Aplikasi yang menyediakan contoh bacaan oleh qari bertauliah serta grafik animasi didapati lebih membantu meningkatkan pemahaman pengguna. Sebaliknya, aplikasi dengan audio tidak jelas atau suara sintetik kurang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran.

5.4. Perbandingan Menunjukkan Tiada Aplikasi yang Sempurna

Dalam membuat perbandingan antara aplikasi yang terpilih didapati tiada satu aplikasi pun yang mengungguli semua aspek. Sebaliknya sesetengah aplikasi sangat baik dari segi kandungan, tetapi kurang dari aspek keinteraktifan. Terdapat aplikasi yang kuat dari segi reka bentuk, tetapi kandungannya terlalu ringkas. Terdapat juga aplikasi yang lengkap dan premium pula memerlukan bayaran, menyebabkan akses terhad bagi sesetengah pengguna.

5.5. Kebolehcapaian Tinggi Menjadikan Aplikasi Tajwid Instrumen Pelengkap, Bukan Pengganti Guru

Kajian mendapati pengguna menganggap aplikasi ini sangat membantu sebagai alat sokongan, namun tidak mampu menggantikan pembelajaran bersama guru secara bersemuka, khususnya dalam aspek pembetulan makhraj dan sifat huruf. Perkara ini tidak dapat disangkal lagi kerana kelebihan berguru sangat banyak kerana ilmu yang didapati secara langsung dan teguran oleh guru lebih tepat serta mudah difahami.

6. Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk menilai dan membandingkan aplikasi-aplikasi tajwid di platform telefon pintar, khususnya dari aspek keberkesanan, kemudahan penggunaan dan kandungan pendidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi tajwid memberikan impak yang positif dalam meningkatkan kefahaman asas pengguna terhadap hukum tajwid. Ini selari dengan teori *mobile learnin* yang menekankan kepentingan pembelajaran fleksibel, sendiri dan berasaskan pengalaman. Aplikasi yang menyediakan ciri interaktif seperti kuiz, audio contoh dan latihan berfasa menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi kerana ia menyokong prinsip *active learning*. Walau bagaimanapun, keberkesanan ini masih terbatas pada aspek teori sahaja. Kekurangan fungsi penilaian bacaan melalui pengesanan suara (voice recognition) merupakan kekangan utama yang menjejaskan keupayaan pengguna untuk memperbaiki bacaan secara praktikal. Ini menunjukkan bahawa teknologi aplikasi masih belum mampu menandingi peranan guru al-Quran dalam membetulkan makhraj dan sifat huruf. Hal ini menyokong pandangan ulama bahawa tajwid ialah ilmu yang bukan sahaja dipelajari melalui teks, tetapi memerlukan *talaqqi* dan *mushafahah*.

Dari sudut kemudahan penggunaan, kajian mendapati majoriti aplikasi direka dengan antaramuka (UI) yang mesra pengguna. Kesederhanaan navigasi, susunan menu dan kejelasan visual memudahkan pengguna memahami kandungan tanpa halangan teknikal. Ini menyokong prinsip *user-centred design* dalam pembangunan aplikasi pendidikan. Namun demikian, wujud jurang antara aplikasi premium dan percuma. Aplikasi percuma kerap mengandungi iklan yang mengganggu, selain isu kelambatan paparan dan audio tidak stabil. Ini memberikan kesan

negatif terhadap *learning engagement*, menyebabkan pengguna hilang fokus semasa sesi pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa aspek teknikal dan kestabilan sistem merupakan faktor penting dalam memastikan aplikasi tajwid bukan sekadar mudah digunakan, tetapi juga memberi pengalaman pembelajaran yang lancar.

Manakala perbandingan telah menunjukkan bahawa ketepatan kandungan dalam aplikasi secara keseluruhan adalah baik, terutama bagi aplikasi yang dibangunkan oleh institusi agama atau pakar bertauliah. Ini menunjukkan wujudnya kesedaran tinggi dalam kalangan pembangun untuk memastikan hukum tajwid yang disampaikan tidak bercanggah dengan sumber turath. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan signifikan dari aspek kelengkapan content antara aplikasi. Sesetengah aplikasi hanya menawarkan hukum asas tanpa penjelasan lanjutan. Aplikasi sebegini sesuai untuk pengguna baharu tetapi kurang membantu pelajar sederhana dan mahir. Ini menunjukkan bahawa aplikasi tajwid masih belum memenuhi keperluan pembelajaran progresif mengikut tahap pengguna. Selain itu, penggunaan animasi, grafik dan audio bacaan oleh qari profesional didapati meningkatkan pemahaman pengguna. Ini sejajar dengan *multimedia learning theory* (Mayer) yang menyatakan bahawa kombinasi audio visual dapat meningkatkan penguasaan konsep berbanding teks sahaja.

Walaupun aplikasi tajwid memberikan nilai tambah besar, ia masih belum mampu menggantikan sepenuhnya kaedah *talaqqi* bersama guru. Kekurangan keupayaan aplikasi untuk memberi maklum balas terhadap bacaan sebenar menjadikan penguasaan tajwid secara praktikal masih memerlukan guru. Implikasinya, aplikasi tajwid wajar dilihat sebagai alat bantu pembelajaran sendiri, bahan latihan tambahan, dan platform pengulangan konsep bukannya sebagai pendekatan utama dalam mempelajari tajwid. Hal ini selaras dengan pendekatan pendidikan al-Quran yang mengutamakan ketepatan bacaan melalui hubungan guru-murid.

7. Kesimpulan

Berdasarkan perbandingan antara beberapa aplikasi Tajwid yang popular di dalam telefon pintar, dapat disimpulkan bahawa aplikasi-aplikasi tersebut memberi impak positif terhadap pembelajaran dan penguasaan tajwid di kalangan pengguna, terutamanya bagi mereka yang mempunyai jadual harian yang padat. Aplikasi dengan ciri-ciri seperti bacaan yang tepat, penjelasan visual tajwid, serta nota atau latihan interaktif terbukti lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran pengguna. Namun, beberapa aplikasi menunjukkan kelemahan dari segi antaramuka pengguna yang tidak mesra, serta kualiti bacaan yang kurang jelas atau tepat, yang mungkin menghalang pemahaman yang mendalam. Oleh itu, adalah disarankan untuk memilih aplikasi yang mempunyai ciri-ciri sokongan pembelajaran yang komprehensif dan mematuhi piawaian tajwid yang betul. Akhirnya, kajian ini menekankan kepentingan inovasi dalam aplikasi tajwid yang boleh memudahkan pengguna dari pelbagai latar belakang untuk memperbaiki bacaan Al-Quran mereka dengan cara yang lebih fleksibel dan mudah diakses.

Rujukan

- Abdullah, N. H., & Ismail, S. M. (2020). *Pengaruh Aplikasi Tajwid Dalam Telefon Pintar Terhadap Pemahaman Bacaan Al-Quran Di Kalangan Pelajar*. Jurnal Pendidikan Islam, 12(2), 45-58.
- Danial, A., & Muyasaroh, M. (2023). Pemanfaatan Smartphone Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Pendidikan Islam Al-Ilmi*, 6(2), 146-153. <https://doi.org/10.32529/al-ilmi.v6i2.2503>
- Hamir H. J, Hilmi M.S (2020) e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAHA 2020) 21-24 Februari. Hotel Ibis Malioboro, Jogjakarta. Indonesia. e-ISBN e978-967-2122-86-9.
- Hasan, M. M., & Ibrahim, S. (2018). *Analisis Aplikasi Tajwid Berasaskan Telefon Pintar Dalam Meningkatkan Ketepatan Bacaan Al-Quran*. Jurnal Pendidikan Islam & Teknologi, 5(4), 110-124.

- Hassan, M. R., & Rahman, Z. (2022). *Perbandingan Fungsi Aplikasi Tajwid Dalam Telefon Pintar: Kajian Terhadap Aplikasi Z Dan W*. Jurnal Teknologi & Pendidikan Islam, 13(2), 65-75. K. N., Mohamed Hussain, U., Amir,
- N. H., & Syed Hassan, S. N. (2024). Keberkesanan aplikasi “JomTajwid” dalam memantapkan bacaan Al-Qurandi kalangan masyarakat. Jurnal Penyelidikan Islamdan Kontemporari (JOIRC),7(12),42-53. (7) (PDF) *Keberkesanan Aplikasi Jom Tajwid Dalam Memantapkan Bacaan Al-Quran Di Kalangan Masyarakat*.
- Razak, S. A., & Yusuf, M. (2019). *Perbandingan Aplikasi Pembelajaran Tajwid Di Telefon Pintar: Kajian Kes Terhadap Aplikasi X Dan Y*. Jurnal Teknologi Pendidikan, 15(1), 23-34.
- Sulaiman, R., & Ali, A. (2021). *Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Tajwid Dalam Telefon Pintar Terhadap Pengajaran Al-Quran Di Sekolah-Sekolah*. Jurnal Kajian Pendidikan Islam, 18(3), 78-92.
- Syed Hassan, S. N., Mat Asa, S. N., Zamzuri, S. N. A., Zulkarnain, A. E., & Mohamad Zainuzi, N. I. H. (2022). *Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 7(50), 122 - 132(7) (PDF) *Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran Toguan*.
- USMAN, H. (2024). *Penggunaan Aplikasi Ilmu Tajwid Dalam Meningkatkan Kemampuan Membaca Al-Qur'an Peserta Didik Pada Mts Nashrul Haq Pajalele Kab. Sidenreng Rappang* (Doctoral dissertation, IAIN PAREPARE).
- Zainora Daud, Anuar Hasin, Norazman Alias, Solehah HAsbollah (2020) Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020), FPQS,Universiti Sains Islam Malaysia, 29-30 October 2020.